

# Satu tan patin di lepaskan di Tasik UMP

Lebih satu tan patin, tilapia merah dan keli menanti peserta Pertandingan Memancing Terbuka di Tasik Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan, Pahang, esok (16 September).

Program sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia itu dianjurkan Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dengan kerjasama Pejabat

Naib Canselor UMP.

**Hadiiah menarik**

Hadiiah pertama menawarkan wang tunai RM7,000; RM3,000 (naib johan) dan RM1,000 tempat ketiga. Pemenang tempat keempat hingga ke 10 masing-masing menerima RM250, ke-11 hingga ke-20 (RM150), ke-21 hingga ke-30 (RM70) dan ke 31 hingga ke-60 (RM40).

Selain wang tunai, pelbagai hadiah iringan menanti setiap peserta yang layak memenangi 40 cabutan bertuah.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nair Ibrahim berkata, pihaknya berharap peminat aktiviti memancing akan menyertai yang menawarkan hadiah lumayan sambil menikmati keindahan kawasan sekeliling.



Patin dilepaskan oleh Dr Daing Naiz (tengah) untuk peserta pertandingan.

info

## Pertandingan memancing

- Yuran penyertaan ialah RM40 bagi setiap joran.
- Pendaftaran dibuka bermula hari ini (15 September).
- Pertandingan bermula 8 pagi hingga 12 tengah han.
- Sebarang pertanyaan boleh hubung 012 2641503, 013 3052811 dan 0132667011.